

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 OGOS 2024  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 4

### Elak jadi pengkhianat lebih besar - PM



ANWAR (tengah) ketika gimik peluncuran Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) semalam. – FAISOL MUSTAFA

PuTERA35 martabat ekonomi bumiputera

# Elak jadi pengkhianat lebih besar – PM

Oleh MUHAMMAD NAJIEB AHMAD FUAD

**PUTRAJAYA** – Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi amaran bahawa mana-mana pihak yang mengurus serta mengendalikan agensi bumiputera akan dianggap pengkhianat besar jika merosakkan agensi itu dengan tatakelola yang rendah.

Jelasnya, ini termasuk menggunakan agensi dan peluang itu untuk memperkaya diri dan kelompok mereka sehingga melupakan agenda penting mengangkat bumiputera.

"Mereka yang melaksanakan agenda bumiputera mesti melihat secara terperinci dan melaksanakannya dengan penuh tanggungjawab dan cekap," katanya dalam ucapan pada Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 di sini semalam.

Dalam pada itu, Anwar mahu

pelaksanaan Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) dipantau lebih dekat supaya berjaya memartabatkan bumiputera dan rakyat keseluruhannya tanpa meminggirkan kaum lain.

Pelaksanaan PuTERA35 akan dipantau sepenuhnya oleh Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) yang dipengerusikan beliau sendiri selain bakal menjadi dokumen baharu mengangkat darjah dan martabat bumiputera bagi tempoh 10 tahun akan datang.

Beliau turut menggesa semua agensi, kementerian dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) membuat pemantauan itu supaya ia mencapai hasil yang disasarkan demi pembangunan negara.

"PuTERA35 ini perlu, kita nak merancang (pembangunan negara) tetapi tanggungjawab saudara daripada agensi kerajaan, syarikat kerajaan, jabatan dan ke-

menterian untuk menjayakannya.

"Kita akan pantau dari dekat dan kita mahu program dan pelan ini berjaya untuk memartabatkan bumiputera dan rakyat Malaysia," katanya.

PuTERA35 adalah agenda bumiputera yang amat diharapkan dengan memberi tumpuan kepada setiap elemen bumiputera dari pelbagai latar belakang dan peringkat di negara ini.

Ia disokong tiga teras iaitu memperkuuh pasak ekonomi negara, memperteguh kerukunan tatakelola dan institusi serta menegakkan keadilan sosial.

Selain itu, ia turut disokong 12 pemacu dan 132 ikhtiar yang komprehensif, berani dan berpandangan jauh serta lebih inklusif, iaitu satu anjakan besar dalam membawa pembangunan bumiputera ke arah menjadi Malaysia sebagai peneraju ekonomi serantau.